



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## KENYATAAN MEDIA

### PRISMANITA INISIATIF BAHARU KPWKM BANTU MANGSA KEGANASAN RUMAH TANGGA

**PULAU PINANG , 12 MEI 2026:** Pagi ini saya telah merasmikan Program Advokasi Kesejahteraan Untuk Wanita @Keganasan Rumah Tangga (Aku Wanita@KRT) anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menerusi Jabatan Pembangunan Wanita (JPW).

Untuk makluman semua, program ini merupakan platform strategik bagi mendekati masyarakat melalui aktiviti berimpak tinggi yang telus dalam menangani masalah KRT bersama pemandiri.

Saya juga berbesar hati apabila program ini turut dihadiri oleh sepuluh (10) orang peserta Orang Kurang Upaya (OKU) daripada Persatuan Orang Pekak (Penang Deaf Association) Pulau Pinang dengan dibantu oleh jurubahasa isyarat daripada persatuan tersebut.

Keganasan rumah tangga bukan sekadar isu peribadi atau hal rumah tangga semata-mata. Ia adalah satu kesalahan jenayah dan pelanggaran hak asasi manusia yang menjadi ancaman senyap terhadap kesejahteraan institusi keluarga. Melihat kepada perkembangan terkini, masyarakat dikejutkan dengan beberapa kes yang tular di media, termasuk kes seorang wanita hamil yang dipercayai dipukul suami sehingga mengalami keguguran.

Statistik Polis Diraja Malaysia menunjukkan kes keganasan rumah tangga meningkat kepada 7,391 kes pada tahun 2025 berbanding 7,116 kes pada tahun 2024. Sehingga Mac 2026, sebanyak 1,955 kes telah direkodkan, mencerminkan trend yang membimbangkan dan memerlukan perhatian berterusan.

Di Pulau Pinang, sebanyak **347 kes** dilaporkan sepanjang tahun 2025, meletakkan negeri ini di tangga **kelapan** dari segi nisbah kes kepada populasi iaitu seramai 1.35 juta penduduk.

Sebagai bukti dan komitmen berterusan Kerajaan MADANI menangani isu ini, inisiatif **PRISMANita** telah diperkenalkan sebagai intervensi awal, pemadanan rujukan, sokongan bersepadu, penyampaian maklumat serta advokasi yang mesra wanita dan mudah dicapai termasuk bagi kes yang berkaitan dengan keganasan rumah tangga.

Sejak pelancarannya sehingga penghujung April tahun ini, seramai **34 klien** telah mendapatkan perkhidmatan di **PRISMANita@PPWN**. Hal ini mencerminkan keperluan serta keberkesanan inisiatif tersebut dalam memberikan sokongan dan bantuan kepada golongan wanita yang memerlukan.

KPWKM sentiasa komited dalam memperkukuh dasar, undang-undang serta mekanisma dalam menyampaikan maklumat dan sokongan kepada komuniti terutamanya mangsa keganasan rumah tangga. Saya berharap usaha berterusan Kementerian ini dapat meningkatkan kesedaran, keyakinan dan keberanian kepada wanita untuk bersuara dan melaporkan kes-kes yang berkaitan dengan KRT. Saya dan Kementerian ini mengharapkan kerjasama semua pihak seperti mangsa, komuniti, NGO, pihak keselamatan, kesihatan dan perundangan akan membantu mengurangkan bilangan kes-kes yang melibatkan KRT di Malaysia.

Terima kasih.

**YB PUAN LIM HUI YING**  
**TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA**  
**KELUARGA DAN MASYARAKAT**  
**12 MEI 2026**